

30 SEP 1997

AGONG HANTAR UCAPAN TAHNIAH KEPADA CHINA

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah menghantar ucapan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat China Jiang Zemin sempena ulang tahun ke-40 republik itu.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini, dalam perutusan itu Seri Paduka berdua berharap negara dan rakyat China akan terus menikmati kesejahteraan dan kemakmuran yang berpanjangan.

"Harapan kita agar hubungan rapat yang wujud antara Malaysia dan Republik Rakyat China akan berterusan dan bertambah kukuh pada tahun-tahun akan datang," titah Seri Paduka.

Tuanku Ja'afar juga mengucapkan tahniah kepada Presiden Jiang kerana kejayaan kongres kebangsaan ke-15 Parti Komunis China baru-baru ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Li Peng, berkata beliau gembira mendapati rakyat China menikmati keamanan dan kemakmuran di bawah pimpinan Li Peng.

"Saya yakin kerjasama peringkat tinggi yang wujud dan persahabatan antara kerajaan dan rakyat kedua-dua negara akan berkembang dan menjadi lebih kukuh bagi faedah bersama," kata Dr Mahathir.

Pemangku Menteri Luar Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dalam ucapan yang serupa kepada Menteri Luar China Qian Qichen melahirkan keyakinan bahawa Republik itu akan terus menikmati keamanan dan kemajuan. -- BERNAMA

RV NN NMO